

04 NOV 1997

Najib - Pilihan Raya

KEMENANGAN BN AKAN BUKTI SOKONGAN RAKYAT KEPADA KEPIMPINAN NEGARA

TAIPING, 4 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) perlu memastikan kemenangannya pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Changkat Jering dan Sungai Bakap, Sabtu ini bagi membuktikan sokongan rakyat kepada kepimpinan negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sokongan padu dan berterusan rakyat kepada BN pada pilihan raya itu dapat menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat negara ini menyokong penuh semua dasar negara.

"Kemenangan itu membolehkan kita menghantar mesej jelas keseluruh dunia mengenai sokongan rakyat kepada Perdana Menteri, Datuk seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya," katanya ketika berucap pada majlis perasmian bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Simpang di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, kemenangan BN juga membolehkan kestabilan politik negara dikekalkan dan seterusnya kerajaan dapat menumpukan kepada usaha mengukuhkan semula kedudukan ekonomi negara, katanya.

"Politik negara yang tidak stabil seperti di beberapa negara lain menyebabkan keadaan ekonomi negara berkenaan akan menjadi caca-marba," katanya.

Beliau bagaimanapun berkeyakinan penuh masalah ekonomi serta kejatuhan nilai mata wang negara akan dapat diselesaikan tidak lama lagi dengan usaha kerajaan serta kepimpinan negara.

Najib turut menaruh keyakinan terhadap keupayaan calon BN, Mat Isa Ismail pada pilihan raya kecil itu yang katanya mempunyai kemampuan mewakili rakyat di kawasan berkenaan.

Mat Isa sebelum ini pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Sulit Najib ketika beliau menjadi Menteri Pertahanan serta pada peringkat awal sebagai Menteri Pendidikan.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Najib turut menyatakan rasa puas hatinya dengan terhadap kempen pilihan raya yang dijalankan jentera BN.

"Keseluruhannya kempen yang dijalankan jentera BN adalah memuaskan dan bertambah cergas walaupun nampak sedikit dingin pada peringkat permulaan," katanya.

Katanya, kehadiran beberapa pemimpin luar yang berkempen juga merupakan petanda baik bagi BN mencapai kemenangan pada pilihan raya itu nanti.

Beliau juga mendakwa isu Bahasa Malaysia yang tidak diberi keutamaan dalam sistem pendidikan merupakan isu yang sengaja dibangkitkan pembangkang dalam kempen pilihan raya mereka.

Kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama tidak tergugat kerana kerajaan tidak pernah membuat perubahan dalam dasar pendidikan negara, katanya. -- BERNAMA

RZS WAT